

SKOP INISIATIF ICT YANG MEMERLUKAN KELULUSAN TEKNIKAL ICT

1. Skop inisiatif ICT yang perlu mendapatkan kelulusan teknikal JPICT adalah seperti yang berikut :

a) Inisiatif Baharu

Inisiatif baharu bermaksud inisiatif pengkomputeran yang melibatkan salah satu gabungan aktiviti perolehan perkakasan, perisian, rangkaian, pengurusan data, pembangunan sistem aplikasi serta perkhidmatan berasaskan ICT untuk membangunkan inisiatif ICT KPM seperti berikut;

BIL	ITEM	KETERANGAN
1.	Pembangunan Sistem Aplikasi	<ul style="list-style-type: none"> Merangkumi pembangunan sistem aplikasi menggunakan perisian pembangunan, <i>customization</i> dan/atau integrasi
2.	Perkakasan ICT	<ul style="list-style-type: none"> merangkumi semua jenis perkakasan atau peranti elektronik yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu inisiatif ICT, iaitu peralatan input/output (contoh : pencetak, pengimbas, alat baca biometrik, Suara Melalui Ip (VoIP), pemprosesan, storan data, multimedia, [contoh: persidangan video (<i>video conferencing</i>)], perkakasan komunikasi mudah alih [contoh: jalur lebar tanpa wayar (<i>wireless broadband</i>)] dan perkakasan komunikasi berteknologi tinggi (contoh:radar, satelit);
3.	Perisian ICT	<ul style="list-style-type: none"> merangkumi semua jenis perisian sistem, perisian aplikasi dan lesen perisian (pembelian dan pembaharuan). Perisian sistem merangkumi sistem operasi, pangkalan data dan perisian bagi membangunkan sistem. Perisian aplikasi ialah perisian yang digunakan untuk menyokong kerja-kerja harian dalam urusan pengurusan dan pentadbiran pejabat serta pengajaran dan pembelajaran
4.	Rangkaian ICT	<ul style="list-style-type: none"> merangkumi perolehan perkakasan, perolehan perisian dan perolehan perkhidmatan bagi menyediakan kemudahan rangkaian luas [Wide Area Network (WAN)], rangkaian setempat [Local Area Network (LAN)] dan rangkaian tanpa wayar; dan
5.	Perkhidmatan-perkhidmatan lain berasaskan ICT	<ul style="list-style-type: none"> merangkumi semua jenis perkhidmatan teknikal yang diperoleh daripada syarikat perunding swasta, kontraktor dan syarikat-syarikat lain yang berkaitan. Antara contoh perkhidmatan ICT termasuklah instalasi dan konfigurasi perkakasan, pemasangan sistem, pengurusan perubahan (CM), latihan dan pemindahan teknologi (TOT), pejabat pengurusan inisiatif (PMO), pengurusan

SKOP INISIATIF ICT YANG MEMERLUKAN KELULUSAN TEKNIKAL ICT

		data (migrasi, pemurnian, kunci masuk, pemulihan, penukaran), perkhidmatan keselamatan ICT, sewaan perkakasan, perkhidmatan pengehosan (hosting), migrasi sistem, langganan maklumat dalam talian dan seumpamanya
--	--	---

b) Peningkatan Sistem

Bermaksud mempertingkatkan keupayaan, perubahan dan/atau pertambahan skop/ tempoh, change request (CR) atau menaik taraf perkakasan, perisian, rangkaian, aplikasi dan/atau perkhidmatan ICT. Contoh yang dimaksudkan seperti peningkatan perkakasan dari segi konfigurasi dan kapasiti, pengemaskinian fungsi dalam sistem ICT sedia ada kepada tahap yang lebih baik, peningkatan saiz lebar jalur (bandwidth) serta peluasan rangkaian, perubahan dan/atau pertambahan skop perkhidmatan sedia ada kepada yang lebih baik dan seumpamanya.

c) Pertambahan Peralatan

Bermaksud menambahkan bilangan bagi mana-mana perkara di bawah kategori perkakasan, perisian dan/atau rangkaian bagi inisiatif ICT sedia ada.

d) Perluasan Inisiatif

Bermaksud memperkembangkan pelaksanaan inisiatif ICT dari lokasi sedia ada ke lokasi-lokasi lain atau dengan menambah bilangan pengguna di lokasi yang sama atau pun keduanya sekali.

2. Perolehan peralatan bukan ICT **boleh dilaksanakan bersama** dengan perolehan inisiatif ICT sekiranya perolehan peralatan bukan ICT menyokong pelaksanaan inisiatif baharu ICT [Contoh: perolehan televisyen litar tertutup Closed Circuit TV (CCTV), bekalan kuasa tanpa gangguan [Uninterruptible Power Supply (UPS)], rak pelayan dan penyaman udara untuk tujuan membangunkan pusat data atau perolehan inisiatif bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran.
3. Perolehan perkhidmatan penyenggaraan selepas tamat tempoh waranti **tidak boleh dilaksanakan** bersama dengan perolehan inisiatif ICT.
4. Garis Panduan ini terpakai bagi semua inisiatif ICT agensi Sektor Awam yang dibiayai oleh **peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan** atau inisiatif ICT yang dilaksanakan melalui kaedah **inisiatif pembiayaan swasta [Private Finance Initiative (PFI/kerjasama awam-swasta [Public-Private Partnership (PPP)]** di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri (JPM).

SKOP INISIATIF ICT YANG MEMERLUKAN KELULUSAN TEKNIKAL ICT

5. Perolehan yang **dikecualikan** daripada mendapat kelulusan teknikal JPICT adalah seperti yang berikut:
- a. Perkhidmatan penyenggaraan peralatan ICT dan sistem aplikasi;
 - b. Perkhidmatan ICT yang memerlukan perlanjutan seperti langganan maklumat dalam talian, sewaan talian Internet dan perkhidmatan pengehosan (hosting) yang tiada perubahan kepada skop asal tidak perlu memohon kelulusan teknikal JPICT bagi perkhidmatan seterusnya;
 - c. Perolehan peralatan teknologi baharu dan peralatan dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) tertakluk kepada 1PP PK1/2013 Perenggan 6 (x): Garis Panduan Mengenai Penyelarasan Penggunaan dan Perolehan Kemudahan dan Peralatan Teknologi Baru di agensi Kerajaan;
 - d. Perolehan bagi peralatan bukan ICT yang digabung dengan peralatan ICT untuk tujuan khas seperti perkakasan instrumen saintifik, contoh teleskop di balai cerapan; perubatan contohnya: mesin pengimejan resonans magnetik [magnetic resonance imaging (MRI)]; keselamatan, contoh: Sistem Risikan Tentera (Military Intelligence System), Sistem Pengukuran Amaran (Alert Measurement System), Radio Komunikasi Tentera Kriptografi (Cryptography Military Communications Radio); kejuruteraan, contohnya : Simulator Penerbangan Penuh (Full Flight Simulator) dan seumpamanya; dan
 - e. Komponen alat ganti, barang guna habis (consumable item), aksesori, perabot komputer, kamera, CCTV, penyaman udara, telefon pintar (smartphone) dan seumpamanya.